

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kanak-kanak tanpa kerakyatan (*stateless*) yang sedang belajar di sekolah kebangsaan pada tahun 2020 serta rancangan Kementerian untuk meminda dasar ini sekiranya ada.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kemasukan kanak-kanak ke sekolah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah berdasarkan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid Ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar Di Sekolah) 1998, Akta Pendidikan 1996.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kanak-kanak bukan warganegara dan kanak-kanak yang belum ditentukan kewarganegaraannya serta tidak memenuhi syarat kemasukan ke sekolah seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan ini, tidak diterima untuk bersekolah di sekolah di bawah pentadbiran KPM. Sehubungan dengan itu, KPM tidak mempunyai sebarang data dan maklumat mengenai kanak-kanak tanpa kerakyatan yang belajar di sekolah kebangsaan. Walau bagaimanapun, kanak-kanak tanpa kerakyatan boleh mendapatkan pendidikan di sekolah swasta dan pusat bimbingan alternatif. Sekian, terima kasih.